

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S.SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATO' MOHD IDRIS BIN JUSI [BATU PAHAT]

TARIKH : 03 NOVEMBER 2014

SOALAN :

YB Dato' Mohd Idris Bin Jusi [Batu Pahat] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan mengapa Klinik Kesihatan Rengit dibina pada 1956, yang sudah terlalu uzur, sempit dan tidak selesa, serta menyediakan perkhidmatan yang terbatas masih belum dibina semula. Bila pembangunan klinik yang baru akan dimulakan dan bila pula dijangka siap. Sesuai dengan keperluan lebih 40,000 penduduk sekitar apakah perkhidmatan-perkhidmatan yang bakal disediakan.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sedia maklum akan keadaan masalah yang dihadapi di fasiliti Klinik Kesihatan Rengit seperti yang dikatakan. Sehubungan itu, sebanyak RM250 ribu telah dibelanjakan bagi melaksanakan kerja-kerja pengubahsuaian dan naiktaraf klinik tersebut sejak tahun 2009. Untuk perancangan jangka panjang, KKM bercadang untuk membina sebuah klinik kesihatan baru bagi menggantikan klinik kesihatan sedia ada yang telah uzur. KKM sedang dalam usaha mengenalpasti tapak yang sesuai dibuat perolehan untuk tujuan klinik ini.